

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)
Sent: Monday, August 14, 2017 3:28 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Sharipah Soaad Bt Syed Yahaya; Dr. Nerda Zura Binti Zaibidi; Roslee bin Mardan
Subject: SQS ONLINE : PERTANDINGAN OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN (OMK) 2017 ZON UTARA BERJALAN DENGAN JAYANYA



**Pusat Pengajian Sains
Kuantitatif**

SCHOOL OF QUANTITATIVE SCIENCES

Universiti Utara Malaysia

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

14 OGOS 2017 | 21 ZULKAEDAH 1438H

Oleh : Dr. Sharmila Karim

**PERTANDINGAN OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN (OMK) 2017 ZON UTARA BERJALAN
DENGAN JAYANYA**



SQS ONLINE: Seramai 176 orang pelajar sekolah menengah di zon utara telah menyertai pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) 2017 yang berpusat di Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), UUM yang mana program ini dijalankan setiap tahun anjuran Persatuan Sains dan Matematik (PERSAMA). Sekolah yang menyertainya terdiri daripada Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Kubang Pasu, MRSM Pendang, MRSM Langkawi, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gurun, , SMK Kelibang, dan SMK Bonglai.

Pertandingan OMK 2017 ini dijalankan secara serentak seluruh Malaysia pada 12 Ogos 2017 jam 10:00 pagi selama 2 jam 30 minit. Pertandingan OMK terbahagi kepada 3 kategori iaitu bongsu (12 orang), muda (72 orang) dan sulong (92 orang).

Sementara itu satu taklimat mengenai SQS dan program-program yang ditawarkan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, SQS untuk guru-guru pengiring sebagai salah satu usaha

promosi pusat pengajian. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Dr. Jafri Hj. Zulkepli Hew, Penyelaras Program Sarjana Muda (Sains Pemutusan).

Terima kasih kepada semua pihak yang telah bekerjasama menjayakan OMK ini iaitu Dekan SQS, Prof Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya, Penolong Pendaftar, En. Roslee Mardan, staf pentadbiran SQS dan rakan-rakan pensyarah iaitu Dr. Sharmila Karim, Dr. Malina Zulkifli, Dr. Teh Raihana Nazirah Roslan, Dr. Norhayati Yusof, Dr. Woon Siew Fang dan Dr. Jafri Hj. Zulkepli Hew.

Sekian.

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif | (School of Quantitative Sciences) |
College of Arts and Sciences | Universiti Utara Malaysia |
06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |
Tel : +6049286301 | Fax : +6049286309 |
E-mail : sqs@uum.edu.my
Website : <http://www.sqs.uum.edu.my>
Facebook : <https://www.facebook.com/SQSUUM>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.